



e-JURNAL PENYELIDIKAN DAN INOVASI
<https://ejpi.kuis.edu.my/index.php/ejpi>
e-ISSN 2289-7909
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR

VOL. 10 NO. 2 (SEPTEMBER 2023): pp 65-84

Received: July 21, 2023

Accepted: July 28, 2023

Published: September 30, 2023

Analisis Keperluan Pelajar terhadap Penggunaan Teknologi dalam Memahami Terjemahan Kinayah al-Quran kepada Bahasa Melayu

Analysis of Students' Needs Regarding the Use of Technology in Understanding the Translation of the Quranic Metonymy into the Malay Language

Nasimah Abdullah

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS)
nasimah@kuis.edu.my

Saifullah Samsudin

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS)
saifulah@kuis.edu.my

Lubna binti Abd. Rahman

Universiti Sains Islam Malaysia
lubna@usim.edu.my

Ahmad Nazeer bin Zainal Arifin

Pusat Pengajian Teras, Universiti Islam Selangor (UIS)
ahmadnazeer@kuis.edu.my

Muhamad Adham bin Hambali

Pusat Pengajian Teras, Universiti Islam Selangor (UIS)
adhamhambali@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kinayah merupakan salah satu unsur retorik yang terdapat di dalam wacana al-Quran. Kinayah bermaksud menyebut sesuatu ungkapan yang dimaksudkan dengan pengertian lain yang bukan pengertian zahirnya. Hal ini menyebabkan pelajar yang mempelajari kinayah al-Quran mengalami kesukaran memberi interpretasi yang tepat kerana kinayah mempunyai makna implisit yang perlu ditafsirkan dengan jelas agar maksudnya yang sebenarnya dapat disampaikan dengan tepat. Kebiasaanya, pelajar akan merujuk kepada pelbagai teks terjemahan al-Quran yang berada di pasaran secara naskhah bercetak yang sudah tentu merumitkan pelajar kerana saiznya yang besar, tebal dan berat. Berdasarkan pemerhatian terhadap teks terjemahan al-Quran yang berada di pasaran, terdapat cara terjemahan kinayah al-Quran yang kelihatan tidak sepadan dengan konteks makna yang dimaksudkan oleh mesej al-Quran. Sedangkan keperluan pelajar merujuk dan mengenalpasti kaedah terjemahan yang betul adalah penting dalam proses pembelajaran. Justeru itu, satu kajian kuantitatif dan deskriptif telah dilakukan bertujuan meninjau keperluan pelajar terhadap penggunaan teknologi dalam memahami terjemahan kinayah al-Quran kepada bahasa Melayu. *Sampel kajian ini melibatkan 129 orang responden daripada pelajar dalam bidang pengajian bahasa Arab di beberapa IPT yang berbeza dan menggunakan instrumen soal selidik melalui googleform dalam mendapatkan maklum balas.* Dapatan kajian ini dijangkakan dapat menjadi satu anjakan paradigma terhadap kaedah rujukan kepada teks terjemahan al-Quran, selain sebagai satu usaha ke arah memudahkan pelajar merujuk dengan penggunaan teknologi yang sesuai. Hasil kajian ini juga dijangkakan dapat memberi maklumat kepada penyediaan bahan pengajaran dan pembelajaran kinayah al-Quran dalam bentuk peranti mudah alih dan aplikasi yang sesuai.

Kata kunci: Kinayah al-Quran; Bahasa Melayu; Analisis Keperluan; Teknologi

ABSTRACT

Metonymy is one of the rhetorical elements found in the Quranic discourse. Metonymy means to mention an expression intended with another meaning that is not its apparent meaning. Students who study the Quranic metonymy experience difficulty giving an accurate interpretation because it has an implicit meaning that needs to be interpreted clearly to convey its actual meaning accurately. Usually, students will refer to the various texts of Quran translation that are on the market in printed form, which complicates students because of their large, thick and heavy size. Based on the observation of the translated text of the Quran on the market, there is a way of translating the Quranic metonymy that does not seem to match the context of the meaning intended by the message of the Quran. Meanwhile, the need for students to refer to and identify the correct translation method is important in

the learning study to survey students' needs for using technology to understand the translation of the Quran into Malay. The sample of this study involved 129 respondents from students in Arabic language studies at several different higher education institutions and employed a questionnaire instrument through Google form to obtain feedback.

Keywords: Quranic Metonymy; Malay Language; Needs Analysis; Technology

PENDAHULUAN

Dalam era digital masa kini, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah menjadi satu keperluan, atau mungkin satu tuntutan dalam menjalani kehidupan harian dalam apa jua bidang, termasuk bidang pendidikan. Seiring dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, integrasi teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dilihat sangat penting untuk meningkatkan infrastruktur teknologi dalam pendidikan sebagai persediaan untuk melahirkan modal insan yang celik IT (Ani Omar, 2016). Dunia menyaksikan bahawa perkembangan ICT banyak memberi impak positif terhadap pengajaran dan pembelajaran (PdP). Proses pembelajaran kini telah melampaui ruang fizikal bilik darjah, bersifat globalisasi dan sepanjang hayat (Norasmahani et.al, 2014).

Aplikasi peralatan teknologi turut berperanan sebagai alat bantu mengajar (ABM) untuk menyalurkan maklumat berkaitan kursus atau subjek yang dipelajari dengan lebih jelas dan sistematik. ABM berasaskan teknologi mampu merangsang minat pelajar dan membentuk persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan berbanding kaedah konvensional yang berkonsepkan '*chalk and talk*'. Apabila dunia dilanda pandemik Covid-19 sejak 2020, penggunaan teknologi dilihat amat membantu merealisasikan aktiviti dalam kehidupan masyarakat (Shamsul Arrieya, 2020; Bernama, 2021). Ini termasuklah proses PdP yang membantu pelajar agar dapat meneruskan pembelajaran walau pun tanpa hadir di kelas atau dewan kuliah.

Di samping itu, kepelbagaian aplikasi teknologi dalam pendidikan dapat dilihat mutakhir ini dalam usaha untuk menjadikan proses PdP lebih berkesan dan menarik minat pelajar (Kamarul Azmi et.al, 2012), seperti penggunaan internet dan laman web (*e-learning*) serta aplikasi mudah alih yang memuatkan pembelajaran interaktif (*M-learning*). Aplikasi teknologi ini boleh dimanfaatkan oleh guru dan pelajar dalam semua subjek atau mata pelajaran sama ada pada peringkat sekolah mahu pun institusi pengajian tinggi.

Penulisan ini berhasrat mengkaji secara khusus keperluan penggunaan teknologi (ICT) dalam subjek balaghah umumnya dan tajuk kinayah khususnya. Istilah balaghah merujuk kepada ilmu retorik Arab iaitu satu bidang ilmu yang membincangkan sampainya sesuatu maksud atau makna dengan menggunakan

bahasa yang betul daripada aspek kata, tepat berdasarkan struktur sintaksis dan sesuai dengan konteks pengujaran atau teks yang dihasilkan (Azman, 2018). Dengan erti kata lain, balaghah ialah satu cabang pengkajian linguistik yang berada pada tahap teratas selepas fonetik, morfologi dan sintaksis (Mohd Zaki dan Che Radiah, 2013).

Manakala, istilah kinayah pula merujuk kepada salah satu elemen yang terdapat dalam ilmu al-Bayān. Ilmu al-Bayān ialah cabang ilmu balaghah yang membahaskan tentang prinsip dan kaedah penyampaian makna dengan bentuk ujaran yang berbeza namun mempunyai rujukan yang jelas dan terang (Azman, 2018). Menurut al-Hasyimiy (1994), kinayah merujuk kepada kata-kata yang dizahirkan dengan maksud yang berlainan daripada ungkapan asalnya, namun ungkapan itu juga boleh difahami secara langsung kerana tiada *qarinah* atau petunjuk yang menghalang pengertian zahir tersebut. Oleh itu, ungkapan tersebut perlu ditafsirkan dengan jelas agar maksudnya yang sebenar dapat disampaikan dengan tepat.

Dalam dimensi lain pula, pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab dalam kurikulum Malaysia bukanlah satu perkara yang asing lagi hinggalah balaghah telah dijadikan salah satu komponen penting dalam kurikulum kebangsaan di peringkat sekolah menengah dan pengajian tinggi (Muhammad, 2008; Halim et al., 2018). Oleh itu, pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau bahasa ketiga sudah pasti akan mempelajari balaghah. Dengan erti kata lain, balaghah merupakan salah satu subjek yang ditawarkan kepada pelajar sekolah agama atau pelajar jurusan bahasa Arab di institusi pengajian tinggi terutamanya dalam bidang Kesusasteraan Arab.

Balaghah perlu difahami dengan jelas untuk menguasai bahasa Arab dengan baik (Mohamad Syukri et.al, 2018). Ilmu balaghah merupakan salah satu komponen bahasa Arab yang sama pentingnya dengan ilmu nahu dan saraf bagi memudahkan pemahaman terhadap teks Arab kerana bahasa Arab ialah bahasa yang unik dan penuh dengan gaya bahasa retorika (Azhar Muhammad, 2007). Walau bagaimanapun, kajian Mohamad Syukri (2018) mendedahkan bahawa tahap penguasaan pelajar dalam subjek ini masih rendah dan sederhana disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya pelajar kurang berminat dan tidak mempunyai kesedaran tinggi tentang kepentingan ilmu balaghah. Selain itu, pelajar juga tidak dapat memahami apa yang dipelajari berkaitan ilmu balaghah dan tidak dapat mengaplikasikan apa yang dipelajari dalam penggunaan ayat yang lain. Pelajar juga didapati menghadapi masalah untuk menggunakan buku teks yang disediakan dan tidak dapat mengambil manfaat darinya. Tenaga pengajar pula kurang mempelbagai atau memperbaharu kaedah pengajaran.

Melihat kepada permasalahan yang diketengahkan dalam pembelajaran balaghah, penulis berpandangan bahawa salah satu cara yang mungkin boleh menangani masalah tersebut ialah menggunakan teknologi dalam proses PdP ilmu balaghah

kerana banyak kajian telah membuktikan keberkesanan kaedah tersebut. Kajian terhadap keperluan dan kepentingan penggunaan teknologi dalam subjek ini perlu dilakukan sebagai langkah permulaan kepada reka bentuk atau reka cipta aplikasi yang sesuai untuk dijadikan ABM.

Sehubungan itu, penulisan ini cuba menyelidiki keperluan tersebut dengan memfokuskan salah satu gaya bahasa dalam ilmu balaghah iaitu gaya bahasa kinayah sebagai kajian rintis untuk mengenal pasti kepentingan penggunaan teknologi dalam pembelajaran balaghah umumnya dan kinayah khususnya dalam kalangan pelajar. Penulis juga berpandangan bahawa untuk memahami kinayah dengan jelas, pelajar perlu dibekalkan dengan terjemahan dalam bahasa yang mereka fahami atau bahasa ibunda mereka agar maksud gaya bahasa tersebut dapat dicerna dengan mudah oleh minda mereka.

Bertitik tolak daripada situasi di atas, kajian ini secara khususnya bertujuan meninjau keperluan pelajar terhadap penggunaan aplikasi mudah alih dalam memahami terjemahan gaya bahasa kinayah dalam al-Quran kepada bahasa Melayu, dengan mengambil kira terjemahan sebagai satu wasilah untuk memahami gaya bahasa yang dipelajari dalam ilmu balaghah. Dalam pada itu, penulis memilih kinayah dalam al-Quran kerana kitab suci ini merupakan sebagai salah satu sumber pengkaedahan bahasa Arab serta menjadi rujukan para penyelidik dalam mendalami gaya bahasa berkaitan ilmu balaghah.

TINJAUAN LITERATUR

Penulis membahagikan perbincangan tentang tinjauan persuratan kepada tiga (3) bahagian, iaitu: i) isu pengajaran dan pembelajaran balaghah, ii) kinayah al-Quran dan isu dalam terjemahan dan iii) aplikasi mobile pembelajaran bahasa Arab.

Isu Pengajaran dan Pembelajaran Balaghah

Pengajaran dan pembelajaran balaghah menjadi satu cabaran besar kepada pelajar Melayu yang tidak bertutur dalam bahasa Arab. Sehingga kini, pembelajaran dan pengajaran balaghah masih menimbulkan polemik ekoran kesukaran mempelajarinya. Terdapat pelbagai isu berkaitan proses pembelajaran ilmu balaghah tanpa mengira peringkat pembelajaran ilmu tersebut. Namun, antara isu utama yang dibahaskan oleh para pengkaji berkaitan dengan pembelajaran ilmu balaghah ialah pendekatan yang diguna pakai dalam proses pembelajaran ilmu ini. Pendekatan pembelajaran klasik sering disifatkan sebagai pendekatan pembelajaran yang perlu diberikan sentuhan inovasi bagi memastikan proses pembelajaran ilmu ini lebih berkesan sekaligus diterima oleh para pelajar.

Sulaiman dan Wahid (2021) menyatakan bahawa kekurangan kepelbagaian pendekatan dalam pembelajaran balaghah menjadi salah satu permasalahan dalam pembelajaran ilmu ini. Kajian ini melihat pentingnya proses pembelajaran ilmu ini

berasaskan pembelajaran berpusatkan pelajar. Dapatan ini selari dengan kajian sebelumnya oleh Sopian et al. (2013) yang memperlihatkan para pelajar sekolah menengah agama di Melaka kurang bersetuju dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunapakai dalam pembelajaran balaghah. Kajian ini menegaskan bahawa guru seharusnya didedahkan dengan pelbagai teknik baharu bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan mencadangkan penggunaan kaedah induktif (*al-Tariqah al-Istiqraiyyat/al-Tariqat al-istinbatiyyat*). Kajian ini turut disokong oleh Raja Hazirah (2012) yang menegaskan bahawa pendekatan terkini dalam pembelajaran disiplin ilmu balaghah merupakan satu keperluan yang tidak dapat dinafikan. Beliau menyatakan dalam kajiannya bahawa kekurangan kepelbagaian pendekatan dalam pembelajaran balaghah menjadi salah satu permasalahan dalam pembelajaran ilmu ini. Beliau melihat pentingnya proses pembelajaran ilmu ini berasaskan pembelajaran berpusatkan pelajar.

Menurut Abdul Hakim dan Mustafa (2016), kaedah pengajaran ilmu balaghah yang dipraktikkan di Malaysia masih berorientasikan peperiksaan dan hafalan yang merangkumi definisi, contoh serta teori-teori dan kebanyakannya berpusatkan pensyarah. Kaedah ini tidak menjadikan pelajar seorang kompeten dalam berbahasa kerana mereka tidak mampu mempraktikkan nilai estetika yang dipelajari dalam ilmu balaghah (Othman et al. 2011).

Terdahulu, Rosni Samah dan Marwan Ismail (2006) melalui kajian mereka mendapati bahawa tahap penguasaan para pelajar terhadap subjek balaghah adalah sangat lemah. Ini disebabkan oleh permasalahan proses pengajaran dan pembelajaran, penumpuan kepada hafalan kaedah dan contoh-contoh unsur balaghah tanpa memberi penekanan kepada unsur aplikasi. Mohamad Syukri Abdul Rahman (2018) pula merumuskan bahawa satu pendekatan dalam pengajaran modul balaghah perlu diperkasakan dan penambahbaikan oleh pensyarah dan universiti seperti sukatan pelajaran, kaedah mengajar, penyediaan modul khas balaghah dan sebagainya. Beliau turut menyatakan bahawa teknik dan kaedah pengajaran perlu diperbaharui dan dipelbagaikan bagi menarik minat para pelajar dalam mendalami ilmu balaghah.

Kebanyakan kajian terdahulu merumuskan bahawa pengajaran dan pembelajaran subjek balaghah perlu diberikan anjakan paradigma bukan sahaja dari sudut sukatan pelajaran, kaedah dan teknik, malah juga perlu diterapkan penggunaan teknologi dan multimedia demi menarik minat pelajar mempelajari dan mendalami subjek balaghah.

Kinayah al-Quran dan Isu dalam Terjemahan

Kinayah bermaksud menyebut sesuatu ungkapan yang dimaksudkan dengan pengertian lain yang bukan pengertian zahirnya, seperti menggunakan ungkapan (لغة الضاد) yang bermaksud bahasa Arab (Kamus Besar Arab-Melayu Dewan, 2006). Menurut Siti Saodah (1999), *kinayah* merupakan ungkapan yang mempunyai

maksud sindiran dan boleh juga digunakan untuk maknanya yang asal. Contohnya ungkapan (طويل اليد) digunakan dengan maksud yang asal iaitu (panjang tangan) dan dalam waktu yang sama digunakan sebagai kiasan kepada (sifat pemurah). Oleh itu, kinayah kadang-kadang tidak boleh dipindahkan secara kata demi kata ke dalam bahasa Melayu kerana mempunyai penggunaan secara literal dan juga figuratif. Konteks penggunaanlah yang boleh menentukan makna yang dihajati oleh penutur.

Dengan erti kata lain, kinayah merupakan ungkapan yang maknanya tidak boleh diketahui daripada makna perkataan itu sendiri, malah perlu difahami berdasarkan konteks ujarannya sama ada bersifat linguistik atau ekstralinguitik. Oleh itu, penterjemah perlu memahami beberapa perkara dalam terjemahan sebelum memindahkan makna daripada bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu, seperti perbezaan unsur semantik, linguistik, budaya dan konteks makna. Kegagalan memahami kesemua unsur tersebut akan menyebabkan makna sebenar tidak dapat dipindahkan kepada bahasa Melayu dengan betul. Hal ini sudah pasti menyebabkan penterjemah akan menghadapi beberapa kesukaran lebih-lebih lagi apabila melibatkan kinayah dalam al-Quran.

Abdullah (2017) dalam kajiannya terhadap teks terjemahan al-Quran ke dalam bahasa Melayu menyatakan bahawa terjemahan daripada Mahmud Yunus, Abdullah Basmeih dan Zaini Dahlan adakalanya menggunakan pendekatan yang berbeza dalam menterjemahkan kinayah al-Quran dan dalam beberapa kes tidak dapat menyampaikan makna yang dimaksudkan dengan tepat dalam terjemahan Al-Quran kerana mereka bergantung sepenuhnya pada kaedah terjemahan literal. Oleh itu, pembaca terjemahan al-Quran perlu merujuk kepada naskhah terjemahan yang berbeza untuk mencari kesepadanan makna.

Abdullah (2016) menegaskan bahawa penterjemah perlu memahami terlebih dahulu peranan konteks sebelum memindahkan makna figuratif al-Quran seperti kinayah, majaz mursal dan isti'arah ke dalam bahasa Melayu sebagai usaha mencapai kesepadanan makna dalam terjemahan. Konteks boleh difahami melalui penguasaan terhadap *asbab nuzul* ayat al-Quran (أسباب نزول الآية) atau sebab-sebab penurunannya yang boleh diperolehi dalam kitab-kitab tafsir al-Quran (Abdullah, 2015). Hal ini sedemikian kerana ketepatan sesuatu terjemahan hanya boleh diukur melalui kesepadanan makna dengan pentafsiran ulama (Abdullah, 2020). Dengan erti kata lain, ungkapan figuratif al-Quran tidak boleh sama sekali diterjemahkan dengan sekadar melihat kepada peringkat semantik perkataan atau ayat yang terasing daripada faktor konteks penggunaan (Abdullah et al., 2021).

Kinayah sebagai salah satu daripada topik dalam subjek balaghah yang dipelajari oleh pelajar di peringkat menengah dan pengajian tinggi perlu diberikan perhatian sewajarnya. Hal ini sedemikian kerana pelajar yang mempelajari tajuk kinayah mengalami kesukaran memberikan interpretasi yang tepat ekoran gaya bahasanya

yang mempunyai makna implisit. Kebiasaannya pelajar akan merujuk kepada modul atau buku sukatan pelajaran semata-mata. Namun kaedah konvensional ini sudah tentu membosankan pelajar kerana tiadanya elemen multimedia seperti gambar rajah, visual, infografik dan animasi yang dapat menarik minat pelajar untuk belajar tajuk kinayah.

Kajian Abdullah et al. (2022) terhadap 104 orang responden institusi pengajian tinggi yang berbeza mendapati bukanlah mudah bagi pelajar untuk mengenal pasti kinayah dalam al-Quran dan memahaminya, malah kajian tersebut juga menunjukkan bahawa secara keseluruhan keperluan penggunaan teknologi dalam pembelajaran kinayah berada pada tahap tinggi dengan nilai purata keseluruhan masing-masing = 3.52 dengan sisihan piawai = 0.444. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar memberikan maklum balas positif terhadap penggunaan teknologi dalam pembelajaran tajuk kinayah.

Oleh itu, usaha ke arah anjakan paradigma dalam pengajaran tajuk kinayah perlu dilakukan agar penguasaan dan kefahaman pelajar terhadap tajuk tersebut boleh dipertingkatkan. Antara usaha tersebut adalah melalui bahan bantu mengajar yang bersifat teknologi. Hal ini sangat relevan dengan dapatan kajian Abdullah et al. (2022) yang memaparkan bahawa majoriti pelajar di masa kini lebih cenderung untuk memanfaatkan pendekatan teknologi dalam proses P&P.

Dengar erti kata lain, penginovasian dalam memahami gaya bahasa kinayah sama ada dari teks al-Quran atau bukan al-Quran perlu dijalankan untuk membantu pelajar membuat rujukan. Penggunaan alat mudah alih (*mobile*) adalah wasilah yang tepat di masa kini untuk memudahkan pelajar mengetahui makna sepadan antara teks sumber (iaitu Arab) dengan teks sasaran (iaitu Melayu).

Aplikasi Mobile Pembelajaran Bahasa Arab

Kelebihan dan keberkesanan aplikasi mudah alih (*mobile apps*) dalam pembelajaran mencetuskan fenomena inovasi dan kreativiti dalam kalangan pendidik dan ahli akademik dalam pelbagai bidang ilmu di negara ini. Pelbagai aplikasi pembelajaran menarik dan bermanfaat direka bentuk untuk memenuhi keperluan para pelajar tidak kira di peringkat rendah, menengah mahu pun institusi pengajian tinggi. Malah ada antara aplikasi ini juga boleh dimanfaatkan oleh masyarakat awam. Penghasilan aplikasi seumpama ini yang menerapkan elemen inovatif dan kreatif dalam PdP secara tidak langsung dapat memenuhi tuntutan pendidikan abad ke-21. Pembelajaran bahasa Arab tidak terkecuali daripada fenomena ini.

Berdasarkan pengamatan penyelidik, kebanyakan aplikasi mudah alih yang dihasilkan mengetengahkan kandungan berkaitan kemahiran bahasa serta tajuk-tajuk nahu dan saraf. Oleh itu, pembangunan dan penghasilan aplikasi dalam pembelajaran bahasa Arab yang khusus kepada subjek balaghah masih perlu digiatkan lagi sebagai salah satu bahan pembelajaran sendiri bagi memenuhi

keperluan masyarakat umumnya, dan para pelajar yang mempelajari bahasa ini khususnya. Hal ini adalah kerana aplikasi mudah alih yang menengahkan bahan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia masih terhad dan kurang atau sukar untuk memperolehnya di pasaran (Ibrahim Youssef et.al, 2018; Hazrati et.al, 2021).

Hasil carian penyelidik mendapati bahawa terdapat beberapa kajian lepas yang menengahkan isu pembelajaran bahasa Arab berasaskan M-pembelajaran di Malaysia sehingga kini. Ini menunjukkan bahawa isu pembelajaran bahasa Arab melalui kaedah ini semakin mendapat perhatian dalam kalangan penyelidik. Antara kajian tersebut ialah kajian yang dilakukan oleh Fatin Shaffawati & Harun (2016), Ibrahim Youssef et.al (2018), Siti Syafawati & Nurul Farhana (2020) dan Hazrati et.al (2021). Isu yang dibincang dan dibahasakan berbeza antara satu sama lain, namun menjurus kepada isu pembelajaran menggunakan aplikasi mudah-alih dari aspek pembangunan aplikasi, motivasi, keberkesanan penggunaan aplikasi mudah alih dan kerangka pembangunan aplikasi mudah alih.

Kajian Fatin Shaffawati dan Harun (2016), yang bertajuk “Pendekatan ‘*Mobile Learning*’ dalam meningkatkan motivasi pelajar” bertujuan membincangkan penggunaan pendekatan *Mobile Learning* dalam meningkatkan motivasi pelajar di IPT dalam mata pelajaran bahasa Arab. Kajian ini mendapati pendekatan Pembelajaran Mudah Alih atau *M-Learning* dilihat telah menjadi salah satu kaedah yang signifikan pada abad ke-21 pada peringkat Institusi Pengajian Tinggi untuk memaksimumkan tahap motivasi pelajar semasa mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua di IPT, seterusnya dapat meningkatkan pencapaian bahasa Arab pelajar.

Kajian Ibrahim Youssef et.al (2018) pula bertujuan membincangkan pembangunan aplikasi android bagi mata pelajaran bahasa Arab sekolah rendah dengan memfokuskan kepada kemahiran mendengar dan juga kemahiran bertutur. Kajian ini mengemukakan satu prototaip aplikasi android asas bahasa Arab yang menerapkan komponen didik hibur seperti nyanyian, lakonan, permainan dan komponen-komponen yang menjurus ke arah penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur bahasa Arab di dalam aplikasi tersebut.

Kajian Siti Syafawati dan Nurul Farhana (2020) yang bertajuk “Pembelajaran Menerusi Aplikasi Mudah Alih dan Kesannya terhadap Pembelajaran Huruf Hijaiyah Murid Pra-sekolah”, dilakukan untuk menguji keberkesanan pembelajaran berasaskan permainan melalui penggunaan aplikasi mudah alih iaitu “Belajar Hijaiyah”. Kajian ini menggunakan sebuah aplikasi mudah alih yang dinamakan “Belajar Hijaiyah” dengan menggunakan pendekatan pembelajaran berasaskan permainan terhadap murid prasekolah. Kajian ini membuktikan bahawa penggunaan aplikasi mudah alih yang berasaskan permainan seperti “Belajar Hijaiyah” ini dapat meningkatkan minat, motivasi serta pencapaian mereka terhadap pembelajaran huruf Hijaiyah.

Kajian Hazrati et.al (2021) pula bertujuan membangunkan satu aplikasi mudah alih pembelajaran asas Bahasa Arab Pintar bagi peringkat sekolah rendah yang memfokuskan kemahiran bertutur dan mengenal pasti keberkesanan aplikasi mudah alih pembelajaran asas Bahasa Arab Pintar daripada perspektif guru-guru bahasa Arab. Hasil dapatan menunjukkan bahawa para guru berpendapat yang aplikasi mudah alih Bahasa Arab Pintar ini mudah digunakan.

Kebanyakan aplikasi sedia ada lebih sesuai dan lebih menjurus kepada pembelajaran bahasa Arab pada tahap asas dan peringkat sekolah rendah. Ini bermakna aplikasi mudah alih ini tidak mencakupi semua subjek pembelajaran bahasa Arab di peringkat menengah dan institusi pengajian tinggi seperti ilmu balaghah.

METODOLOGI KAJIAN


Penulisan ini bertujuan mengkaji keperluan pelajar terhadap penggunaan teknologi khususnya aplikasi mudah alih (*mobile*) dalam memahami terjemahan gaya bahasa kinayah dalam al-Quran kepada bahasa Melayu. Kajian ini adalah jenis penyelidikan kuantitatif dan *mengguna pakai rekabentuk kajian tinjauan*. Tinjauan soal-selidik dipilih kerana kaedah ini mudah ditadbir dan data juga senang diproses dan dianalisis. Data-data yang diperlukan untuk kajian ini dikumpul melalui *instrumen soal selidik yang dibina menggunakan Google Form*.

Kajian ini mensasarkan hanya pelajar dalam bidang pengajian bahasa Arab di beberapa buah institusi pengajian tinggi (IPT) yang berbeza. Kaedah persampelan rawak mudah digunakan untuk memastikan pemilihan responden mewakili populasi kajian. Sampel kajian ini melibatkan 129 orang responden. Terdahulu kajian ini melakukan kajian rintis yang melibatkan bilangan sampel seramai 30 orang pelajar tetapi tidak termasuk dalam sampel kajian sebenar. Tujuan kajian rintis adalah untuk melihat kesesuaian soal selidik kajian yang digunakan kepada responden kajian sebenar selain untuk menentukan kebolehpercayaan instrumen kajian berdasarkan pekali Cronbach's Alpha yang mempunyai nilai di antara 0.65 hingga 0.95 (Chua, 2012).


Instrumen soal selidik dibina berasaskan kepada lima (5) mata skala *Likert* iaitu sangat setuju, setuju, tidak pasti, tidak setuju dan sangat tidak setuju. Instrumen tersebut *diedarkan melalui kumpulan WhatsApp pelajar*. Instrumen tersebut mengandungi dua (2) bahagian iaitu bahagian A dan B. *Bahagian A berkaitan dengan demografi responden yang memuatkan tiga (3) soalan iaitu i) jantina, ii) institusi dan iii) tahap pengajian*. Jumlah keseluruhan responden ialah 129 orang yang terdiri daripada 29 orang lelaki (iaitu 22.5%) dan 100 orang perempuan (iaitu 77.5%). Data ini menunjukkan majoriti adalah perempuan.

Carta 1: Responden Mengikut Jantina


Responden Mengikut Jantina



Responden kajian terdiri daripada IPT yang berbeza iaitu 46 orang dari USIM (35.7%), 32 orang dari KUIS (24.8%), 22 orang dari UNISZA (17.1%), 11 orang dari UPM (8.5%), 6 orang dari UM (4.7%), masing-masing 1 orang dari UKM dan UIAM (0.8%) dan 10 orang dari lain-lain institusi selain yang dinyatakan (7.8%).

Graf 1: Jumlah Responden Mengikut Institusi

Dari segi tahap pengajian, 3 orang berada di tahap diploma, 101 orang di tahap sarjana muda, 2 orang di tahap sarjana dan 23 orang baru sahaja menamatkan pengajian. Data ini menunjukkan majoriti adalah berada di tahap sarjana muda.

Graf 2: Jumlah Responden Mengikuti Tahap Pengajian

Manakala bahagian B instrumen soal selidik pula terdiri daripada tujuh (7) soalan yang melibatkan pernyataan tentang keperluan pembinaan aplikasi mobile e-Kinayah. Pernyataan 1 adalah berkaitan dengan kaedah pembelajaran kinayah. Pernyataan 3 dan 4 adalah tentang fungsi pembinaan dan penggunaan aplikasi mobile e-Kinayah. Pernyataan 2, 5, 6 dan 7 meliputi keperluan khusus dalam aplikasi mobile e-Kinayah. Instrumen *soal selidik* diedarkan kepada kumpulan WhatsApp pelajar yang telah dan sedang mengikuti kursus pengajian bahasa Arab dengan pensyarah. Tatacara penganalisisan data adalah menggunakan Pakej Statistik Sains Sosial (IBM SPSS versi 25.0). Data kajian dihuraikan secara deskriptif dalam bentuk purata, sisihan piawai dan interpretasi. Bagi tujuan deskriptif, kajian menggunakan skala sangat rendah, rendah, sederhana, tinggi dan sangat tinggi sebagaimana di Jadual 1. Semua tahap tersebut dihuraikan berdasarkan nilai purata yang dikumpulkan. Jika petunjuk nilai purata adalah di antara 1.00-1.80, maka tahap ini menunjukkan nilai yang sangat rendah, 1.81-2.60 berada pada tahap rendah, 2.61-3.40 berada pada tahap sederhana, 3.41-4.20 berada pada tahap tinggi dan 4.21-5.00 adalah tahap sangat tinggi (Tschannen-Moran & Gareis, 2004).

Jadual 1: Purata Skala lima Likert Mengikut Lima Tahap

Nilai Purata	Interpretasi
1.00 – 1.80	Sangat Rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Tschannen-Moran, M. & Gareis, C.R., (2004). *Principle's Sense of Efficacy: Assessing a Promising Construct*. *Journal of Educational Administration*. 42(5), 573-585

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan tujuh (7) soalan yang dirangka dalam borang kaji selidik, *analisis deskriptif menunjukkan bahawa secara keseluruhannya keperluan pembinaan aplikasi mobile e-Kinayah* berada pada tahap tinggi dengan nilai purata keseluruhan = 4.09 dengan sisihan piawai = 0.479. (Sila rujuk Jadual 2).

Penyataan 1 iaitu kaedah pembelajaran kinayah melalui aplikasi mobile serta pernyataan 3 dan 4 iaitu berkaitan fungsi pembinaan dan penggunaan aplikasi mobile e-Kinayah masing-masing berada pada tahap tinggi. Manakala, pernyataan 2, 5, 6 dan 7 yang melibatkan keperluan khusus dalam aplikasi mobile e-Kinayah berada pada tahap tinggi dan sangat tinggi. Hasil maklumbalas daripada pelajar ini menunjukkan bahawa pembinaan aplikasi mobile tersebut adalah relevan dan signifikan di masa kini.

Kajian ini akan membincangkan secara terperinci setiap item atau pernyataan 1 hingga 7 di bahagian perbincangan. Taburan lengkap berkenaan maklumbalas responden *ditunjukkan dalam Jadual 2*.

PERBINCANGAN

Perbincangan ini dibahagikan kepada tiga (3) perkara iaitu i) kaedah pembelajaran kinayah, ii) fungsi pembinaan dan penggunaan aplikasi mobile e-KINAYAH dan iii) keperluan khusus dalam aplikasi mobile e-KINAYAH.

Kaedah Pembelajaran Kinayah

Penyataan 1 dalam Jadual 2 adalah berkait dengan kecondongan responden terhadap kaedah pembelajaran kinayah sama ada secara konvensional atau melalui penggunaan teknologi.

Penyataan 1 iaitu “Pembelajaran melalui aplikasi mobile lebih mudah berbanding pembelajaran secara konvensional” menunjukkan *70 orang (iaitu 54.2%)* setuju menyatakan pembelajaran melalui aplikasi mobile lebih mudah berbanding pembelajaran secara konvensional. Ini bersamaan dengan nilai purata = 3.48 iaitu tahap tinggi dengan sisihan piawai = 0.952. Hal ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar mempunyai kecenderungan dan minat kepada kaedah pembelajaran melalui penggunaan teknologi semasa mempelajari tajuk kinayah berbanding pendekatan konvensional.

Jadual 2: Taburan Responden Mengikut Keperluan Pembinaan Aplikasi Mobile e-KINAYAH

No.	Pernyataan/Item	Skala					Jumlah	Min	SP	Interpretasi
		STS	TS	TP	S	SS				
1.	Pembelajaran melalui aplikasi mobile lebih mudah berbanding pembelajaran secara konvensional.	3.1 (4)	11.6 (15)	31.0 (40)	42.6 (55)	11.6 (15)	54.2 (70)	3.48	.952	Tinggi
2.	Elemen multimedia (gambar rajah, visual, infografik, animasi) dapat menarik minat saya untuk belajar tajuk kinayah.	0	0	7.8 (10)	57.4 (74)	34.9 (45)	92.3 (119)	4.27	.596	Sangat Tinggi
3.	Pembinaan aplikasi mobile e-kinayah dapat membantu saya dalam pembelajaran tajuk kinayah.	0	0	17.8 (23)	54.3 (70)	27.9 (36)	82.2 (106)	4.10	.671	Tinggi
4	Penggunaan aplikasi mobile e-Kinayah dapat membantu kefahaman saya terhadap kinayah.	0	0	18.6 (24)	53.5 (69)	27.9 (36)	81.4 (105)	4.09	.678	Tinggi
5	Aplikasi mobile yang memuatkan pentafsiran ulama dapat membantu saya memahami kinayah al-	0	0	9.3 (12)	60.5 (78)	30.2 (39)	90.7 (117)	4.20	.595	Tinggi

Quran.										
6	Aplikasi mobile yang memuatkan terjemahan kinayah al-Quran dapat membantu saya memahami makna yang sepadan dalam bahasa Melayu.	0	0	7.0 (9)	62.8 (81)	30.2 (39)	93.0 (120)	4.23	.566	Sangat Tinggi
7	Aplikasi mobile yang menghuraikan strategi terjemahan mampu memberi nilai tambah kepada pengetahuan saya.	0	0	5.4 (7)	60.5 (78)	34.1 (44)	94.6 (122)	4.28	.561	Sangat Tinggi
Keseluruhan								4.09	.479	Tinggi

STS: Sangat Tidak Setuju, TS: Tidak Setuju, TP: Tidak Pasti, S: Setuju, SS: Sangat Setuju

Fungsi Pembinaan dan Penggunaan Aplikasi Mobile E-KINAYAH

Penyataan 3 dan 4 dalam Jadual 2 adalah berhubung dengan fungsi pembinaan dan penggunaan aplikasi mobile e-Kinayah dalam pembelajaran tajuk kinayah.

Penyataan 3 iaitu “Pembinaan aplikasi mobile e-kinayah dapat membantu saya dalam pembelajaran tajuk kinayah” menunjukkan nilai purata = 4.10 iaitu tahap tinggi dengan sisihan piawai = 0.671. Ini bererti majoriti pelajar iaitu 106 orang (82.2%) setuju menyatakan bahawa pembinaan aplikasi mobile e-Kinayah dapat membantu mereka dalam pembelajaran tajuk kinayah.

Begitu juga dengan penyataan 4 iaitu “Penggunaan aplikasi mobile e-Kinayah dapat membantu kefahaman saya terhadap kinayah” berada pada tahap tinggi dengan nilai purata = 4.09 dengan sisihan piawai = 0.678. Ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar iaitu 105 orang (81.4%) setuju menyatakan bahawa penggunaan aplikasi mobile e-Kinayah dapat membantu kefahaman mereka terhadap kinayah.

Data daripada penyataan 3 dan 4 ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar memberi maklum balas positif terhadap fungsi yang boleh dimainkan oleh aplikasi mobile e-Kinayah dalam pembelajaran tajuk kinayah.

Keperluan Khusus dalam Aplikasi Mobile E-KINAYAH

Penyataan 2, 5, 6 dan 7 dalam Jadual 2 pula melibatkan keperluan khusus yang perlu ada dalam pembinaan aplikasi mobile e-Kinayah termasuk elemen multimedia, pentafsiran ulama, terjemahan yang sepadan dalam bahasa Melayu serta huraian strategi terjemahan. Kesemua pernyataan 2, 6 dan 7 dalam Jadual 2 memperolehi interpretasi pada tahap yang sangat tinggi. Masing-masing mendapat persetujuan majoriti pelajar iaitu 119 orang (92.3%) dengan min 4.27, 120 orang (93%) dengan min 4.23 dan 122 orang (94.6%) dengan min 4.28.

Ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar menerima dengan baik keberadaan elemen multimedia seperti gambar rajah, visual, infografik dan animasi dalam aplikasi mobile e-Kinayah. Begitu juga majoriti pelajar bersetuju bahawa kewujudan terjemahan boleh membantu mereka memahami makna yang sepadan dalam bahasa Melayu. Hal ini sejajar dengan pernyataan 7 bahawa keberadaan huraian strategi terjemahan pada aplikasi mobile e-Kinayah mampu memberikan nilai tambah kepada pengetahuan mereka.

Begitu juga majoriti pelajar iaitu 117 orang (90.7%) bersetuju menyata aplikasi mobile yang memuatkan pentafsiran ulama dapat membantu mereka memahami kinayah al-Quran. Hal ini jelas pada pernyataan 5 yang memperolehi interpretasi pada tahap tinggi dengan min 4.20.

Boleh dirumuskan bahawa pelajar bukan sahaja menerima dengan baik keberadaan elemen multimedia dalam aplikasi mobile e-Kinayah, malah kewujudan terjemahan dalam aplikasi tersebut boleh membantu mereka memahami makna yang sepadan dalam bahasa Melayu. Selain itu, keberadaan huraian strategi terjemahan dan pentafsiran ulama pada aplikasi tersebut mampu memberikan nilai tambah kepada pengetahuan mereka. Ini bermakna dengan adanya aplikasi mobile e-Kinayah dapat membantu mereka dalam pelbagai aspek seperti yang telah dinyatakan di atas.

PENUTUP

Secara umumnya, penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran merupakan suatu keperluan dalam pendidikan dan berperanan menjadi alat bantu mengajar (ABM) yang berpotensi untuk menarik minat pelajar, menggalakkan pembelajaran aktif serta menjadikan pembelajaran mereka lebih kondusif di dalam atau di luar bilik darjah atau kuliah. Penggunaan teknologi harus dimanfaatkan oleh semua pendidik dalam apa jua subjek atau mata pelajaran yang diajar. Apatah lagi jika subjek tersebut kurang diminati atau sukar difahami pelajar seperti subjek balaghah.

Begitu juga, penggunaan teknologi dalam memahami penterjemahan ayat al-Quran umumnya dan gaya bahasa kinayah khususnya merupakan satu anjakan paradigma

dalam mendepani perkembangan dunia dan merupakan satu usaha positif yang boleh membantu pembaca sasaran.

Dalam kajian ini, hasil dapatan menunjukkan bahawa pelajar lebih suka akan kaedah pembelajaran melalui penggunaan teknologi semasa mempelajari kinayah berbanding kaedah konvensional. Oleh itu, majoriti daripada mereka bersetuju dengan cadangan supaya satu aplikasi mudah alih (mobile) dibina bagi membantu mereka memahami tajuk kinayah. Kajian juga mendapati bahawa elemen multimedia yang terkandung dalam aplikasi mudah alih (mobile) seperti gambar rajah, visual, infografik dan animasi berupaya menarik minat pelajar untuk mempelajari subjek tersebut.

Selain itu, terjemahan yang dibekalkan kepada pelajar untuk memahami maksud kinayah juga dilihat penting. Hasil dapatan menunjukkan bahawa majoriti pelajar bersetuju bahawa kewujudan terjemahan boleh membantu mereka memahami makna kinayah yang sepadan dalam bahasa Melayu. Di samping itu, pentafsiran ulama dan huraian strategi terjemahan yang dimasukkan dalam aplikasi mobile e-Kinayah juga dilihat mampu memberikan nilai tambah kepada pengetahuan mereka.

Kesimpulannya, kaedah PnP ilmu balaghah secara umumnya perlu diberi nafas baharu untuk merangsang minat pelajar dan menjadikan aktiviti pembelajaran lebih menarik dan berkesan. Bagi mencapai tujuan ini, penggunaan teknologi atau multimedia perlu diintegrasikan dengan kaedah konvensional dan dipelbagaikan. Penggunaan peralatan teknologi dan peranti mudah alih sebagai ABM sangat diperlukan dan boleh dimanfaatkan oleh para pendidik dan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk mencapai matlamat Pendidikan Negara.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak UIS umumnya, dan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC) serta Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) khususnya yang telah memberi peluang kepada penulis untuk menjalankan penyelidikan melalui dana Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) 2021 dengan kod penyelidikan KUIS/2021/GPIK-26/GPM/02 dari tempoh Disember 2021 hingga November 2022.

RUJUKAN

- Abdul Hakim, A., & Mustafa, O. (2016). A prolonged dilemma: Traditional curriculum of Arabic rhetoric (balaghah) in Malaysia. *The Social Sciences*. 11(6), 1008-1014.
- Abdullah, N. (2015). *Tarjamah al-Dalalaat al-Majaziyyah al-Qur'aniyyah: Dirasat Tahliliyyah li Asaliib al-Tarjamah fi al-Tarajum al-Malayuwiyyah al-Fardiyyah. Disertasi Doktor Falsafah* (tidak diterbitkan). Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Kuala Lumpur.
- Abdullah, N. (2016). Dauru al-siyāq fi taḥqīq al-tarjamah al-ṣāḥiḥah (The importance of context in the authentic translation). *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 1(1), 113–128. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v1i1.40>
- Abdullah, N. (2017). Akhtha' Tarjamah al-Dalalat al-Kina'iyyah al-Quraniyyah ila al-Lughah al-Malayuwiyyah: 'Irdhun wa Tahlil. (Inaccuracies in the Translation of the Quranic Metonymy into the Malay Language). *Global Journal al-Thaqafah*. 7(1), June, 117-132.
- Abdullah, N. (2020). Pengaruh Mazhab Fiqah al-Syafi'i: Analisis terhadap beberapa teks terjemahan al-Quran ke Bahasa Melayu. *Journal of Muwafaqat*. 3 (2), Oktober. 44-61. *Layar melalui*: <http://journal.kuis.edu.my/muwafaqat>
- Abdullah, N., Samsudin, S., & Suliman, N. F. (2021). Masalah semantik dalam terjemahan Majaz Mursal al-Quran: analisis terhadap hubungan musabbab. *AL-IRSYAD: Journal of Islamic and Contemporary Issues*. 6 (1). Jun, 508-522. *Layar melalui*: <http://alirsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/issue/view/11>
- Abdullah, N., Samsudin, S., Abd Rahman, L., Zainal Abidin, A. N., & Hambali, M. A. (2022). Keperluan penggunaan teknologi dalam pembelajaran kinayah. dalam teknologi dan pendidikan dalam pembangunan insan. penyunting: Mariam Abd. Majid, Wawarah Saidpudin & Juzlinda Mohd Ghazali. Penerbit KUIS. Bab 13. 229-245.
- Al- Hasyimiy, A. (1994). *Jawahir al-Balaghah fi al-Ma'ani wa al-Bayan wa al-Badi'*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ani, O. (2016). Integrasi teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan Melayu mempertingkatkan keyakinan dan keberhasilan guru semasa latihan mengajar. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 9 (1), 13-25.
- Azhar, M. (2007). Menterjemah budaya retorika Melayu melalui pelaksanaan pengajaran ilmu balaghah Arab dalam kalangan pelajar Melayu. dalam *Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-11*, 311-326.
- Azman, C. M. (2018). *Ilmu al-Ma'āni dalam Terjemahan Arab-Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bernama. (2021). Penggunaan teknologi digital meningkat ketika pandemik COVID-19-LPPKN. *Astro Awani*. Dicapai pada 10 Jun 2022 dari

- <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penggunaan-teknologi-digital-meningkat-ketika-pandemik-covid19-lppkn-298134>
- Chua, Y. P. (2012). *Asas statistik penyelidikan* (Vol. 2). McGraw-Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
- Fatin Shaffawati, A. G., & Harun, B. (2016). Pendekatan 'mobile learning' dalam meningkatkan motivasi pelajar. *Prosiding Kolokium Pendidikan Bahasa Arab 2016* (KOBAR 16), 194-205.
- Halim, Z. A., Salleh, A. W., Rahman, N. E. A., & Suhane, S. H. M. (2018). Konsep 'ilm al-Bayan dalam Gaya Bahasa Melayu: Sorotan perbandingan dan pemanfaatannya dalam pengajaran ilmu balaghah. dalam *Proceedings of International Conference on Ummah (ICU2018)*, 406.
- Hazrati, Y., Hanis Najwa, S., Fudzla Suraiyya, A. R., Nor Zahidah, A., Muhammad Hatta, S., Muhammad Zahfri, M. N., & Ibrahim Youssef, A. (2021). Aplikasi mudah alih pembelajaran asas Bahasa Arab bagi peringkat sekolah rendah. *International Journal for Educational Science and Language Arts*, 2(2), 29-41.
- Ibrahim Youssef, A., Kaseh, A. B., Suhaila, Z., Hazrati, Y., & Bashasunnahar, P. (2018). Pembangunan aplikasi android pembelajaran asas Bahasa Arab. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization* (ACER-J), 2(2), 39-59.
- Kamarul Azmi, J., Md Yusnan, L., Azhar, M, Mohd Ismail, M., Muhamad Faiz, I., & Mohd Faez, I. (2012). Aplikasi tekonologi dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. dalam *Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam (SEAPPI2012)*, 183-193.
- Kamus Besar Arab-Melayu Dewan. (2006). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Syukri, A. R., Muhammad Daoh, Muhammad Redzaudin, G., & Mohd Rufian, I. (2018). Pendekatan pengajaran ilmu balaghah di institusi pengajian tinggi awam Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3 (14). June, 48-58.
- Mohd Zaki, A., R., & Che Radiah, M. (2013). Balaghah Melayu berdasarkan Balaghah Arab satu pengenalan dalam ilmu ma'ani. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad, A. (2008). Pendidikan balaghah Arab di Malaysia. Penerbit UTM Press.
- Norasmahani Nor, Khadijah, A. R., & Shahlan, S. (2014). M-pembelajaran dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. dalam *Prosiding The 4th International Conference on Learner Diversity (ICELD 2014)*, 360-368.
- Othman, A. J., Norzan, N., Darusalam, G., & Siraj, S. (2011). Cabaran guru program LINUS dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. *Masalah Pendidikan*, 34, 37-51.
- Raja Hazirah, R. S. (2012). Penguasaan balaghah dalam kalangan pelajar IPT. Doctoral dissertation, University of Malaya.
- Rosni, S., & Muhammad Marwan, I. (2006). Laporan penyelidikan penguasaan al-balaghah dan permasalahannya di kalangan pelajar Sijil Tinggi Agama

- Malaysia (STAM) kajian di sekolah-sekolah agama Negeri Selangor. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Shamsul Arrieya, A. (2020, 29 Mac). Manfaatkan teknologi mudah alih sewaktu krisis COVID-19. *Astro Awani*. Dicapai pada 10 Jun 2022 dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/manfaatkan-teknologi-mudah-alih-sewaktu-krisis-covid19-235798>
- Siti Saodah, H. (1999). Ilmu bayan satu perbandingan dengan Bahasa Melayu. *Prosiding Seminar Balaghah (Retorika) Arab-Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 43-53.
- Siti Syafawati, I., & Nurul Farhana, J. (2020). Pembelajaran menerusi aplikasi mudah alih dan kesannya terhadap pembelajaran huruf hijaiyah murid prasekolah. *Innovative Teaching and Learning Journal*, 3(2), 30–41.
- Sopian, A., Ahmad, S., & Bakar, K. A. (2013). Penguasaan dan permasalahan pelajar terhadap pengajian ilmu balaghah: satu tinjauan awal/mastery and problem of students against the balaghah studies: A preliminary survey. *Islamiyyat*, 35(1), 93.
- Sulaiman, R. H. R., & Wahid, N. A. (2021). Faktor-faktor kelemahan pembelajaran balaghah. *International Journal of Contemporary Education, Religious Studies and Humanities*, 1(2), 111–120.
- Tschannen-Moran, M., & Gareis, C. R. (2004). Principals' sense of efficacy: assessing a promising construct. *Journal of Educational Administration*, 42(5), 573-585.